



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN KAJIAN PEKERJA GIG DALAM PERKHIDMATAN PENGHANTARAN
MAKANAN DAN BARANGAN YANG BEKERJA SENDIRI 2022**

97.71 PERATUS PEKERJA *P-HAILING* MERUPAKAN GOLONGAN BELIA

PUTRAJAYA, 17 FEBRUARI 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan satu kajian berkenaan dengan pekerja gig dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barang yang bekerja sendiri. Kajian ini telah dijalankan mulai 1 Mac 2022 dan telah berakhir pada 31 Disember 2022 yang lalu. Objektif kajian ini ialah untuk menyediakan profil asas, mengenalpasti isu-isu dan mencadangkan rekomendasi yang bersesuaian kepada pekerja gig dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barang yang bekerja sendiri.

Isu berkenaan dengan pekerja yang berada di dalam kategori pekerjaan informal telah menjadi salah satu agenda yang dibangkitkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Pekerja yang terlibat dalam pekerjaan informal tidak mendapat manfaat sepertimana pekerja yang digajikan di bawah terma pekerjaan standard yang mempunyai ciri pekerjaan jangka panjang dengan majikan dan dibayar gaji sepenuh masa. Individu dalam pekerjaan informal juga tidak mempunyai perlindungan keselamatan sosial khususnya insurans berkaitan pencen, keilatan dan kehilangan pekerjaan. Selain itu, isu berkenaan dengan kumpulan pertengahan 40 peratus (M40) yang terlibat di dalam pekerjaan informal turut mula mendapat perhatian Kerajaan. Ini kerana kumpulan ini mempunyai peluang yang terhad untuk mendapat bantuan memandangkan mereka secara umumnya tidak layak menerima bantuan sosial.

Untuk kajian ini, seramai 6657 orang pekerja *p-hailing* telah dalam terlibat menjawab soalan bagi soal selidik ini. Sementara itu, seramai 57 orang wakil daripada setiap kementerian/jabatan/agensi, persatuan majikan, kesatuan pekerja, ahli akademik dan syarikat penyedia perkhidmatan telah menyertai perbincangan kumpulan berfokus dan sesi temuramah. Kajian ini adalah *policy-oriented research* yang bertujuan membantu pembuat dasar dan pemegang taruh yang terlibat. Ia memberi sumbangan yang penting dari sudut praktikal dengan mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan (*implementable recommendations*) bagi membantu kementerian dan agensi yang berkaitan menambah baik dasar, perundangan dan pelaksanaan program sedia ada. Strategi dan inisiatif yang dicadangkan boleh dilaksanakan di peringkat nasional kerana ia adalah bersifat praktikal dan telah ditanda aras dengan negara-negara lain.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai **97.71 peratus pekerja *p-hailing* merupakan golongan belia yang terdiri daripada individu yang berumur 15 hingga 30 tahun manakala 2.29 peratus merupakan golongan warga emas yang terdiri daripada individu yang berumur melebihi 60 tahun.** Dari segi tahap pendidikan pula didapati bahawa kebanyakan pekerja *p-hailing* ini mempunyai tahap pendidikan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) atau setaraf (39.54%), diikuti dengan kelulusan Diploma dan setaraf (23.24%) dan Ijazah Sarjana Muda (11.79%).** Dapatan juga menunjukkan terdapat **0.21 peratus pekerja *p-hailing* yang tidak bersekolah dan 0.99 peratus tidak mempunyai sebarang kelayakan akademik.**

Maklumat pekerjaan dan pendapatan juga mendapati sebanyak **73.98 peratus pekerja *p-hailing* menjadikan pekerjaan ini sebagai sumber pendapatan utama. Sebanyak 70.35 peratus pula menjadikan *p-hailing* sebagai pekerjaan utama manakala 29.65 peratus individu tidak menjadikan *p-hailing* sebagai pekerjaan utama mereka.** Daripada 29.65 peratus tersebut, sebanyak 14.23 peratus merupakan pekerja swasta, 7.12 peratus merupakan pekerja kerajaan, 5.60 peratus terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri, 1.46 peratus adalah pelajar dan 1.25 peratus merupakan pekerja badan berkanun. Dari segi perlindungan sosial pula didapati

bahawa sebanyak **72.25 peratus** responden telah mencarum dengan PERKESO manakala **27.75 peratus** tidak melakukan sebarang caruman dengan PERKESO. Seterusnya hanya **22.05 peratus** pekerja *p-hailing* yang mencarum dengan KWSP manakala **77.95 peratus** tidak melakukan sebarang caruman dengan KWSP.

Dari segi **waktu bekerja pekerja *p-hailing* dalam seminggu** menunjukkan bahawa tiga (3) kategori tertinggi ialah yang bekerja antara tempoh **49 jam sehingga 84 jam seminggu (30.79%)** diikuti **30 jam sehingga 48 jam seminggu (25.84%)** dan **kurang daripada 30 jam (25.42%)**. Dari segi jumlah platform pula menunjukkan sebanyak 67.09 peratusan pekerja *p-hailing* menggunakan satu (1) platform sahaja manakala 21.66 peratus pula menggunakan dua (2) platform serta selebihnya ialah tiga (3) platform dan melebihi empat (4) platform masing-masing sebanyak 6.38 peratus dan 4.87 peratus.

Perbandingan pendapatan sebelum dan selepas menyertai *p-hailing* juga telah dibuat di dalam kajian ini dan menunjukkan **terdapat peningkatan terhadap pendapatan pekerja *p-hailing* selepas menyertai aktiviti penghantaran makanan dan barang**. Bukan itu sahaja, analisis juga menunjukkan bahawa **pendapatan tertinggi yang diperoleh pekerja *p-hailing* ialah antara RM1,501 hingga RM2,499 (26.78%) diikuti dengan RM1,500 dan ke bawah (23.39%) serta RM2,500 hingga RM3,170 (11.67%)**.

Simpanan dan pelaburan bagi memastikan jaminan hari tua pekerja *p-hailing* turut diambil kira. Oleh yang demikian kajian ini turut melakukan analisis terhadap pekerja *p-hailing* yang mempunyai simpanan mahupun pelaburan sendiri. Terdapat **36.61 peratus pekerja *p-hailing* mempunyai simpanan mahupun pelaburan sendiri** manakala **63.39 peratus tidak mempunyai apa-apa simpanan**. Dari segi pemilikan polisi insuran didapati sebanyak **45.07 peratus pekerja *p-hailing* mempunyai polisi insurans sendiri** manakala **54.93 peratus adalah sebaliknya**. Kajian ini juga mendapati bahawa lima (5) sebab utama pekerja *p-hailing* menyertai perkhidmatan

penghantaran barang dan makanan/minuman ialah untuk menampung perbelanjaan harian, membantu keluarga, mempunyai masa bekerja yang fleksibel, membuat simpanan dan tidak terikat dengan peraturan/kontrak pekerjaan.


Hasil kajian ini juga telah mencadangkan **lima (5) tumpuan strategik yang meliputi sebanyak 19 inisiatif dan 19 pelan tindakan** khusus kepada individu yang akan menyertai *p-hailing* dan pekerja *p-hailing* yang sedia ada, syarikat penyedia perkhidmatan dan kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan. Senarai strategik dan inisiatif adalah seperti Memastikan Kebajikan Pekerja *P-Hailing* Dilindungi Di Bawah Perundangan Perburuhan Atau Yang Setara, Menyediakan Saluran Aduan dan Komunikasi Yang Sesuai Bagi Menyelesaikan Pertikaian di Antara Syarikat Penyedia Perkhidmatan dan Pekerja *P-Hailing*, Menambah Baik Program Perlindungan Sosial Yang Sedia Ada Bagi Pekerja *P-Hailing* Supaya Lebih Fleksibel Dan Sesuai, Menambah Baik Pelan Latihan Kemahiran Kepada Syarikat Penyedia Perkhidmatan Dan Pekerja *P-Hailing* dan Membangunkan Pangkalan Data Bersepadu Bagi Pendaftaran Pekerja *P-Hailing*. Perincian strategik dan inisiatif adalah seperti di **Lampiran**.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

CARTA 1: PERATUSAN RESPONDEN MENGIKUT KATEGORI BELIA DAN WARGA EMAS




CARTA 2: PERATUSAN RESPONDEN MENGIKUT TAHAP PENDIDIKAN




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Februari 2023


CARTA 3: PERATUSAN RESPONDEN YANG MENJADIKAN P-HAILING SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN UTAMA



CARTA 4: PERATUSAN RESPONDEN YANG MENJADIKAN P-HAILING SEBAGAI PEKERJAAN UTAMA




CARTA 5: PEKERJAAN RESPONDEN SEKIRANYA P-HAILING BUKAN PEKERJAAN UTAMA



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Februari 2023

CARTA 6: PERATUSAN RESPONDEN YANG MENCARUM DENGAN PERKESO DAN KWSP BAGI PEKERJAAN P-HAILING



CARTA 7: PERATUSAN BERKENaan DENGAN ANGGARAN PENDAPATAN PEKERJAAN P-HAILING

RM1,501 – RM2,499	26.78%
RM1,500 dan ke bawah	23.39%
RM2,500 – RM3,170	11.67%
RM3,171 – RM3,970	4.24%
RM3,971 – RM4,850	2.18%

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

17 FEBRUARI 2023

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Februari 2023

LAMPIRAN

SENARAI LIMA (5) TUMPUAN STRATEGIK DAN 19 INISIATIF

TUMPUAN STRATEGIK 1:

Memastikan Kebajikan Pekerja *P-Hailing* Dilindungi Di Bawah Perundangan Perburuhan Atau Yang Setara

Inisiatif 1.1:

Mengklasifikasikan pekerjaan gig sebagai terma pekerjaan baharu

Inisiatif 1.2:

Menggubal perundangan atau peraturan baharu yang bersesuaian untuk klasifikasi pekerjaan baharu dalam memberi perlindungan kepada pekerja gig seperti pekerja p-hailing serta ekosistem di bawahnya

Inisiatif 1.3:

Mengenal pasti elemen decent work dan kawalan kerja minimum oleh syarikat penyedia perkhidmatan terhadap pekerja p-hailing

Inisiatif 1.4:

Penetapan kadar upah minimum yang perlu dipatuhi oleh syarikat penyedia perkhidmatan

Inisiatif 1.5:

Penetapan syarat dan faedah minimum syarikat penyedia perkhidmatan terhadap pekerja p-hailing berkaitan pekerjaan yang ditawarkan

Inisiatif 1.6:

Membangunkan Kod Amalan Perusahaan atau Modul Keharmonian Perusahaan (MKP) khusus bagi pekerja p-hailing

Inisiatif 1.7:

Melantik Agensi Kawal Selia (AKS) yang bertanggungjawab dalam isu-isu berkaitan dengan perundangan perburuhan, perhubungan perusahaan dan perlindungan sosial bagi pekerjaan *p-hailing*

Inisiatif 1.8:

Mengawal selia sistem peta digital pada aplikasi syarikat penyedia perkhidmatan

TUMPUAN STRATEGIK 2

Menyediakan Saluran Aduan dan Komunikasi Yang Sesuai Bagi Menyelesaikan Pertikaian di Antara Syarikat Penyedia Perkhidmatan dan Pekerja *P-Hailing*

Inisiatif 2.1:

Keperluan mewujudkan Jawatankuasa Kerja (work council) atau Jawatankuasa Perundingan Bersama (JCC) bagi menyelesaikan sebarang pertikaian

Inisiatif 2.2:

Menentukan perwakilan untuk mewakili pekerja *p-hailing*

TUMPUAN STRATEGIK 3

Menambah Baik Program Perlindungan Sosial Yang Sedia Ada Bagi Pekerja *P-Hailing* Supaya Lebih Fleksibel Dan Sesuai

Inisiatif 3.1:

Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan *P-Hailing*

Inisiatif 3.2:

Memperkuuhkan program pelan caruman PERKESO dan KWSP agar lebih komprehensif untuk meningkatkan bilangan pencarum dalam kalangan pekerja *p-hailing*

Inisiatif 3.3:

Kewajipan syarikat penyedia perkhidmatan untuk memastikan semua pekerja *p-hailing* yang menggunakan platform syarikat telah mendaftar sebagai pencarum PERKESO dan KWSP

Inisiatif 3.4:

Kewajipan syarikat penyedia perkhidmatan untuk menawarkan perlindungan insurans kepada semua pekerja *p-hailing* yang menggunakan platform syarikat

Inisiatif 3.5:

Penetapan garis panduan terhadap prosedur tuntutan insurans yang ditawarkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan

TUMPUAN STRATEGIK 4

Menambah Baik Pelan Latihan Kemahiran Kepada Syarikat Penyedia Perkhidmatan Dan Pekerja *P-Hailing*

Inisiatif 4.1:

Latihan kepada syarikat penyedia perkhidmatan dengan menggunakan modul latihan yang diiktiraf dan dijalankan oleh pihak yang diiktiraf oleh Kerajaan

Inisiatif 4.2:

Latihan kepada pekerja *p-hailing* dengan menggunakan modul latihan yang diiktiraf dan dijalankan oleh pihak yang diiktiraf oleh Kerajaan

Inisiatif 4.3:

Menyemak dan menambah baik modul bagi program yang sedia ada

TUMPUAN STRATEGIK 5

Membangunkan Pangkalan Data Bersepadu Bagi Pendaftaran Pekerja *P-Hailing*

Inisiatif 5.1:

Pembangunan pangkalan data berpusat bagi pekerja *p-hailing*



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

REPORT ON THE STUDY OF SELF-EMPLOYED GIG WORKERS IN FOOD AND GOODS DELIVERY SERVICES 2022

97.71 PERCENT OF P-HAILING WORKERS COMPRISED OF YOUTH

PUTRAJAYA, 17 FEBRUARY 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has conducted a study regarding self-employed gig workers in food and goods delivery services. This study was conducted on March 1, 2022, and ended on December 31, 2022. Objectives of this study are to provide a basic profile, identify issues and propose appropriate recommendations related to self-employed gig workers in food and goods delivery services.

The issue of workers in the informal employment has been one of the agenda mentioned in the 12th Malaysia Plan (12MP). Workers engaged in informal employment do not receive the same benefits as formal workers employed under standard terms of employment and being paid a full-time salary. Individuals in the informal employment also lack social security protection, particularly insurance related to pensions, disability and job loss. In addition, the issue regarding the middle 40 per cent group (M40) involved in informal employment also began to receive the attention of the Government. This group has limited opportunities to receive assistance since they generally do not qualify for social assistance.

For this study, a total of 6657 p-hailing workers were involved in answering the questionnaire. Meanwhile, 57 representatives from ministry/department/agency, employers' associations, trade unions, academicians and service providers participated in the focus group discussions and interview sessions. This study is a policy-oriented research that aims to assist policymakers and stakeholders involved. It provides important contribution from a practical point of view by presenting implementable recommendations to guide relevant ministries and agencies to improve policies, legislation and the implementation of existing programs. The proposed strategies and initiatives can be implemented at the national level due to its practicality as they have been benchmarked with other countries practices.

The study showed that as many as 97.71 per cent of p-hailing workers comprised of aged between 15 to 30 years of age while 2.29 per cent were the elderly person over 60 years of age. In terms of education level, most of these p-hailing workers have an education level of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) or equivalent (39.54%), followed by a Diploma or equivalent (23.24%) and a Bachelor Degree (11.79%). Findings also showed that 0.21 per cent of p-hailing workers do not attend school and 0.99 per cent do not have any academic qualifications.

The information on employment and income also revealed that 73.98 per cent of p-hailing workers treated this occupation as their first source of income. A total of 70.35 per cent had p-hailing as their main occupation while the remaining 29.65 per cent do not make it as their main occupation. From the 29.65 per cent, 14.23 per cent were private sector employees, 7.12 per cent were government employees, 5.60 per cent were self-employed, 1.46 per cent were students and 1.25 per cent were employees of statutory bodies. In terms of social protection, 72.25 per cent of respondents contributed to SOCSO while 27.75 per cent have not made any contribution to SOCSO. Subsequently, only 22.05 per cent of p-hailing workers contributed to the EPF while 77.95 per cent did not make any contributions.

In terms of working hours of p-hailing workers in a week, it shows that the three (3) highest categories were those who worked between 49 hours and 84 hours a week (30.79%), followed by 30 hours and 48 hours a week (25.84%) and less than 30 hours (25.42%). In terms of the number of platforms used, it shows that 67.09 per cent of p-hailing workers only used one (1) platform while 21.66 per cent used two (2) platforms, and the rest are three (3) platforms and more than four (4) platforms at to 6.38 per cent and 4.87 per cent respectively.

This study also inquired about savings and investments to ensure livelihood during their old age. It shows that 36.61 per cent of p-hailing workers have savings or investments while of 63.39 per cent do not have any savings. On the aspect of insurance policy, it shows that 45.07 per cent of p-hailing workers have insurance policy, while 54.93 per cent do not have any. This study also found out that the five (5) main reasons p-hailing workers join goods and food/beverage delivery services were to cover daily expenses, help families, flexible working hours, make savings and that there were not bound by employment contracts/regulations.

The results of this study have also suggested five (5) strategic focuses with 19 initiatives and 19 specific action plans for individuals who will join p-hailing and existing p-hailing workers, service providers and related ministries / departments/agencies. The proposed strategies are Ensuring P-Hailing Workers' Welfare is protected under the Labour or Equivalent Legislations, Providing Appropriate Medium for Complaint and Communication to Resolve Disputes between Service Provider and P-Hailing Workers, Improving the Existing Social Protection Program for P-Hailing Workers to Be More Flexible and Appropriate, Improving Skills Training Plans for Service Provider Companies and P-Hailing Workers and Developing an Integrated Database for P-Hailing Workers Registration. The list of proposed strategies and initiatives are as attached in the Appendix.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a platform that provides a catalogue of data and visualisation that facilitates users in analysing various types of data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing medium and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

FIGURE 1: PERCENTAGE OF YOUTH AND ELDERLY PERSON PARTICIPATED IN P-HAILING





FIGURE 2: PERCENTAGE OF RESPONDENTS BY EDUCATION LEVEL



Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 17 February 2023

FIGURE 3: PERCENTAGE OF RESPONDENTS TREATED P-HAILING AS THEIR MAIN INCOME




FIGURE 4: PERCENTAGE OF RESPONDENTS TREATED P-HAILING AS THEIR MAIN OCCUPATION





FIGURE 5: PERCENTAGE OF P-HAILING RESPONDENTS ON THEIR MAIN OCCUPATION



Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 17 February 2023

FIGURE 6: PERCENTAGE OF RESPONDENTS CONTRIBUTED TO SOCSO AND EPF




FIGURE 7: PERCENTAGE OF INCOME ESTIMATION FOR P-HAILING

RM 1,501 – RM 2,499	26.78%
RM 1,500 and below	23.39%
RM 2,500 and RM 3,170	11.67%
RM 3,171 and RM 3,970	4.24%
RM 3,971 and RM 4,850	2.18%

Issued by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIANS MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
FEBRUARY 17, 2023**

APPENDIX

FIVE (5) STRATEGIC FOCUS AND 19 INITIATIVES

STRATEGIC FOCUS 1:

Ensuring P-Hailing Workers' Welfare is Protected Under the Labour or Equivalent Legislations

Initiative 1.1:

Classifying gig jobs as a new term of job

Initiative 1.2:

Enact new legislation or regulations that are appropriate for new job classifications in protecting gig workers such as p-hailing workers and the ecosystem

Initiative 1.3:

Identify the elements of decent work and minimum work control by the service provider on p-hailing workers

Initiative 1.4:

Setting the minimum rate of payment that must be adhered to by the service provider

Initiative 1.5:

Setting the conditions and minimum benefits of the service provider for p-hailing workers related to the job offered

Initiative 1.6:

Develop a Code of Practice or Industrial Harmony Module specifically for p-hailing workers

Initiative 1.7:

Appoint a Regulatory Agency that is responsible for issues related to labour legislation, industrial relations, and social protection for p-hailing jobs

Initiative 1.8:

Regulate the digital map system on the application of the service provider

STRATEGIC FOCUS 2

Providing Appropriate Medium for Complaint and Communication to Resolve Disputes between Service Provider and P-Hailing Workers

Initiative 2.1:

The need to establish a Work Council or Joint Consultation Committee (JCC) to resolve dispute

Initiative 2.2:

Designate a delegate to represent p-hailing workers

STRATEGIC FOCUS 3

Improving the Existing Social Protection Program for P-Hailing Workers to Be More Flexible and Appropriate

Initiative 3.1:

P-Hailing Occupational Safety and Health Guidelines

Initiative 3.2:

Strengthen SOCSO and EPF contribution programs to be more comprehensive to increase the number of contributors among p-hailing workers

Initiative 3.3:

Service provider to ensure that all p-hailing workers using the company's platform are registered as SOCSO and EPF contributors

Initiative 3.4:

Service provider to offer insurance coverage to all p-hailing workers using the company's platform

Initiative 3.5:

Setting guidelines for insurance claim procedures offered by service providers

STRATEGIC FOCUS 4

Improving Skills Training Plans for Service Provider Companies and P-Hailing Workers

Initiative 4.1:

Training for service provider using recognized training modules and to be conducted by entities recognized by the Government

Initiative 4.2:

Training for p-hailing employees using training modules that are recognized and conducted by parties recognized by the Government

Initiative 4.3:

Reviewing and improving modules for existing programs

STRATEGIC FOCUS 5

Developing an Integrated Database for P-Hailing Workers Registration

Initiative 5.1:

Development of a centralized database for p-hailing workers